



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/01/2013

2 ► NASIONAL

© AHAD 20 JANUARI 2013

BH

# Strategi lautan biru erat kerjasama Islam

BH-20/1/2013

» *Najib mahu kerajaan rantau Asia Tenggara tolak amalan ekstremisme*

Oleh Norfatimah Ahmad  
tim@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak mahu kerajaan di rantau Asia Tenggara menolak modul pemikiran dan amalan ekstremisme, radikalisme serta terorisme.

Sambil mengajak mereka kembali kepada elemen wasatiyyah dalam merencana pembangunan dan perjalanan masa depan, Perdana Menteri berkata, strategi lautan biru

dilihat mampu membugar kerjasama masyarakat Islam di rantau ini, bukan saja dalam pendidikan dan pengajian Islam, malah bidang yang menjanjikan keuntungan ekonomi jangka panjang.

"Perlu ada modul, pendekatan dan mekanisme baru yang boleh diperkenal dan diperkukuhkan untuk masa depan kerana kerjasama antara masyarakat Islam di Asia Tenggara tidak boleh kekal dalam modul lama," katanya dalam teks ucapan dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Seminar Nusantara - Islam di Asia Tenggara: Cabaran dan Harapan di PWTC, semalam. Seminar tiga hari itu bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran mengenai tahap sosioekonomi dan politik masya-

rakat Islam serantau selain membentuk kesatuan pemikiran melalui pendekatan wasatiyyah.

**Pemangkin kegemilangan**  
Perdana Menteri berkata, Asia Tenggara berpotensi besar menjadi pemangkin kegemilangan Islam dan secara kolektif mewujudkan masyarakat yang mampu menggandingkan ilmu wahyu dengan ilmu baru yang diperlukan umat Islam dalam bersaing pada peringkat global.

"Masih banyak mampu diterokai rantau ini dengan perencanaan lebih bersifat ummatik dan saling membantu. Inilah masa untuk kita mencari idea, merencana program kerjasama baru yang boleh diteroka masyarakat Melayu-Islam di Asia Tenggara kerana tidak mungkin kita tidak peduli apa berlaku pada masyarakat Islam di rantau ini," katanya.

## Membawa perpecahan

Sementara itu, katanya, dekad 80-an dan 90-an menyaksikan kemunculan amalan politik ekstrem dan takfir yang mengetengahkan pelbagai amanat membawa perpecahan umat, namun ia tidak diangap bermasalah asalkan mampu meletakkan diri di puncak kuasa selain menggunakan agama untuk menampilkan diri sebagai maksum, bersih dan diredai Allah.

Beliau berkata, ada di kalangan lulusan Asia Barat dan Pakistan pulang ke tanah air dengan fahaman baru, radikal, militan dan ekstremis yang menjurus kepada anti-Amerika dan anti-Barat dengan prinsip politik seolah-olah mereka 'lebih suci' dijadikan asas hingga keahlian parti politik boleh mengesahkan tiket ke syurga atau neraka.

"Kerajaan dan pemimpin digambarkan dalam keadaan yang paling buruk dan ekstrem dengan pelbagai gelaran sebagai usaha berterusan memberi aura dan persepsi negatif rakyat kepada pemimpin seperti mahazalim, mahafiraun, kafir, zalim dan rasuah yang diulang-ulang ke minda rakyat supaya bangkit menentang kerajaan dan pimpinan," katanya.